



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

AMALAN TERBAIK PENEMPATAN PEKERJA BINAAN WAJAR DICONTOKI

KUALA LUMPUR – Penempatan pekerja seringkali menjadi topik publisiti negatif disebabkan oleh keadaannya yang amat sesak dan kotor. Penemuan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga mendapati penempatan pekerja yang tidak terurus ini menjadi antara punca utama penularan wabak, khususnya COVID-19.

Disebabkan aktiviti pembinaan yang bersifat sementara di satu-satu lokasi, kebanyakan kontraktor tidak memberi perhatian dalam menyediakan penginapan yang baik untuk pekerja-pekerja mereka. Lazimnya kos penyediaan penginapan ini juga tidak diperuntukkan di dalam kos tender sesuatu kontrak.

Namun pemeriksaan tapak pembinaan yang diadakan baru-baru ini, menunjukkan terdapat Syarikat kontraktor seperti Kerjaya Prospek (M) Sdn. Bhd. yang mengambil berat tentang pematuhan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446). Penempatan ini juga telah mendapat kelulusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my

Syarikat itu yang merupakan Kontraktor Utama projek Axon Bukit Bintang, menggunakan konsep pembinaan modular untuk penempatan pekerja yang boleh disesuaikan dengan jumlah pekerja, saiz dan lokasi projek pembinaan yang dijalankan.

Penempatan sementara tersebut juga dilengkapi dengan tandas, pengaliran dan pengu daraan yang selesa dan mengikut spesifikasi. Penempatan sementara ini dibina di dalam tapak pembinaan bagi mengurangkan pergerakan pekerja keluar dan masuk ke tapak bina dan mengurangkan risiko penularan COVID-19.

Pemeriksaan ke tapak pembinaan itu diketuai Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Yusof dan turut disertai Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid, Pengarah CIDB Wilayah Persekutuan, Zainora Zainal dan Pengarah JTK Semenanjung Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Che Mohd Rokman Bin Che Awang.

Taklimat berkenaan penempatan pekerja tersebut turut dihadiri Pengerusi Eksekutif Kerjaya Prospek Datuk Tee Eng Ho dan Pengarah Eksekutifnya Tee Eng Seng.

Kita Jaga Kita, Teguh Kita Menang Bersama

KEMENTERIAN KERJA RAYA

6 FEBRUARI 2021

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my